

07 NOV 1997

Koding-Akar

MARK KODING LETAK JAWATAN PRESIDEN AKAR BERSATU

KOTA KINABALU, 7 Nov (Bernama) -- Datuk Mark Koding, pengasas dan Presiden Akar Bersatu meletakkan jawatannya hari ini, berkuat kuasa serta merta, manakala Timbalan Presiden Datuk Pandikar Amin Mulia dilantik pemangku Presiden.

Koding mengumumkan perletakan jawatannya itu pada sidang media yang turut dihadiri Pandikar di sini selepas mesyuarat majlis tertinggi parti itu yang dipengeruskannya buat kali terakhir.

Koding bagaimanapun mengekalkan keahliannya dalam parti itu.

Beliau memberikan alasan mahu menumpukan sepenuh perhatian kepada pengajian ijazah pertama agamanya di Australia serta mungkin melanjutkan pengajian hingga ke peringkat sarjana dalam bidang berkenaan.

"Kira-kira dua tahun lalu iaitu pada Oktober 1995, saya pernah menyatakan hasrat mahu meletakkan jawatan presiden tetapi terpaksa menangguhkannya kerana apa yang disebut ketika itu sebagai "krisis kepimpinan Akar Bersatu, dan hari ini saya dapat berbuat demikian kerana parti kini sudah stabil," katanya.

Beliau merujuk kepada perselisihan faham antara Pandikar dan Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang ketika itu juga seorang timbalan presiden parti mengenai siapa yang patut dilantik Wakil Presiden sepanjang ketiadaan Koding di dalam negeri.

Ditanya sama ada beliau ada berbincang dengan pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN) negeri atau pusat mengenai keputusannya itu, Koding berkata beliau tidak perlu berbuat begitu kerana pada Oktober 1995 beliau telahpun menemui dan memaklumkan hasratnya itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN.

Koding juga berkata beliau telah berpesan kepada Pandikar agar memaklumkan perkara itu kepada Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee yang juga pengerusi BN negeri kerana tidak berkesempatan menemui beliau.

Beliau berkata majlis tertinggi yang bermesyuarat hari ini juga ada menawarkannya jawatan Presiden Kehormat tetapi ditolaknya atas sebab yang sama iaitu beliau masih melanjutkan pelajaran dan keadaan itu tidak sesuai untuknya menjawat sebarang jawatan.

Menjawab soalan sama ada beliau akan bersara terus dari politik, Koding sekadar berkata: "tanpa mahu berbelit-belit, saya bersara ini untuk berehat, tengoklah keadaannya nanti."

Parti Akar Bersatu pada dasarnya mendapat kekuatan dari sokongan masyarakat Kadazandusun, bagaimanapun pada pilihan raya lepas tiada seorangpun calonnya dari masyarakat itu yang menang, tetapi hanya Pandikar, seorang pemimpin Iranun dari Kota Belud, sahaja yang menang di kawasan Tempasuk.

Parti itu kini mempunyai tiga anggota Dewan Undangan Negeri iaitu Datuk Markus Majihi yang juga Pembantu Menteri Perkhidmatan Sosial, Datuk Kadoh Agundong, dan Pandikar sendiri yang juga Menteri Pertanian dan Perikanan.

Koding juga berkata jawatan pemangku presiden itu akan disahkan dalam mesyuarat agung atau mesyuarat agung luar biasa parti yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

"Saya telah menyeru agar semua anggota majlis tertinggi memberi sokongan dan kerjasama yang padu serta komitmen sepenuhnya kepada Pandikar sebagai pemimpin yang akan merangka sekali lagi untuk membawa ke arah mana parti dibawa selepas ini," katanya.

Pandikar yang duduk di sebelah Koding ketika sidang media, apabila

ditanya reaksinya, berkata keputusan Koding itu dibuat selepas beberapa pertemuan empat mata mereka berdua dan seterusnya diterima majlis tertinggi hari ini.

"Saya bagi pihak majlis tertinggi menerima walaupun dengan berat hati persaraan Datuk Mark walaupun hasratnya meletak jawatan sudah disebut sejak dua tahun yang lalu," katanya sambil menambah beliau menganggap keadaan ini sebagai satu lagi ujian kepadanya. --BERNAMA

kg oba